

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Ketiga  
Sidang Akademik 2007/2008

Jun 2008

**PPK 334 - PENGURUSAN MASALAH EMOSI DAN TINGKAH LAKU  
KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan semuanya.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab **soalan 1** yang **diwajibkan**, dan **TIGA (3)** soalan lain. Jawab setiap soalan pada helaian kertas jawapan yang berasingan.

Jawab soalan **SATU (1)**.

1. Kanak-kanak yang mengalami masalah emosi dan tingkah laku sering menghadapi masalah dalam pembelajaran.
  - (a) Beri definisi kanak-kanak bermasalah emosi dan tingkah laku. (5 markah)
  - (b) Huraikan ciri-ciri kanak-kanak bermasalah emosi dan tingkah laku. (5 markah)
  - (c) Bincangkan langkah-langkah dalam mengurus masalah tingkah laku. (10 markah)

Jawab **TIGA (3)** soalan lain.

2. Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan bagi menangani masalah emosi dan tingkah laku.  
Huraikan **LIMA (5)** kaedah yang berkaitan dan hubungkaitkan kesesuaiannya dengan kategori kanak-kanak berkeperluan khas. (25 markah)
3. Khidmat kaunseling adalah khidmat sokongan yang penting bagi kanak-kanak berkeperluan khas.  
Bincangkan peranan dan tanggungjawab kaunselor dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak dalam program pendidikan khas. (25 markah)
4. Terapi bermain sering digunakan pada kanak-kanak berkeperluan khas yang mengalami masalah tingkah laku.
  - (a) Jelaskan maksud terapi bermain. (5 markah)
  - (b) Huraikan secara terperinci bagaimana menggunakan terapi bermain untuk mengatasi masalah penarikan diri (*withdrawl*) kanak-kanak di dalam kelas. (20 markah)

5. Dalam intervensi biofizikal terdapat teknik pencegahan dan rawatan untuk masalah tingkah laku.
  - (a) Huraikan pandangan pendekatan biofizikal tentang punca masalah tingkah laku.  
(5 markah)
  - (b) Pilih **EMPAT (4)** jenis intervensi biofizikal dan huraikan.  
(20 markah)
6. Beberapa teknik pengajaran dapat dikaitkan dengan pendidikan humanistik. Antaranya adalah main peranan, kontrak, rakan sebaya dan sebagainya.  
Pilih **EMPAT (4)** teknik yang terdapat dalam pendidikan humanistik. Jelaskan fungsi dan cara pelaksanaannya.  
(25 markah)

-oooOooo-